

# Henti dulu kritik Malaysia

UM 27 NOV 2002

SUBANG 26 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Australia perlu berhenti mengkritik Malaysia terlebih dahulu sekiranya mahu negara ini menghentikan kritikan terhadapnya.

Perdana Menteri berkata, negara itu telah melemparkan bermacam-macam tuduhan terhadap Malaysia, termasuk kononnya negara ini diperintah kerajaan kuku besi yang diketuai oleh seorang diktator.

“Kita ini kononnya kerajaan kuku besi dan saya yang pertama di dunia dipilih untuk menjadi diktator.

“Kemudiannya saya juga menjadi orang pertama yang

bersara dari menjadi diktator,” ujarnya sinis.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar sekembalinya dari London di Pangkalan Tentera Udara di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan jurucakap Parti Buruh Australia, Kevin Rudd semalam, yang mahukannya menghentikan polemik tentang perlunya Australia memutuskan sama ada ia sebuah negara Barat atau Asia.

Perdana Menteri sebelum itu menyatakan Australia sudah melampau kerana menyamakan dirinya dengan Amerika Syarikat dalam perang menentang keganasan.

Menurut Dr. Mahathir, Australia juga tidak boleh menuduh Malaysia sebagai tempat yang berbahaya memandangkan ia juga telah disenaraikan sebagai destinasi yang tidak selamat.

“Jepun telah menasihatkan warga negaranya supaya jangan melawat Australia kerana merasakan negara itu tidak lagi selamat. Jadi tidak perlulah kualiti menuduh belanga hitam,” ujar beliau.

Menurutnya, Australia mungkin akan diterima sebagai sebahagian daripada Asia oleh negara-negara di benua ini sekiranya ia menghentikan sikap suka memberi nasihat kepada negara lain.